

UTHM bantu mangsa banjir

PRIHATIN dan rasa tanggungjawab kepada mangsa banjir, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menggerakkan misi bantuan khas untuk membantu meringankan beban mangsa-mangsa bencana alam itu di Kota Tinggi dan Segamat, Johor baru-baru ini.

Misi bantuan ini telah diketuai Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar, Profesor Dr. Amir Hashim Mohd.

Kassim dan disertai kira-kira 30

sukarelawan yang terdiri daripada mahasiswa dan kakitangan UTHM.

Bantuan yang disalurkan adalah berupa bantuan asas seperti makanan dan peralatan kegunaan harian. Jumlah bantuan adalah sebanyak 700 set dan diagihkan ke beberapa lokasi banjir yang lain.

Bantuan telah di terima oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pasir Raja, Datuk Dr. Adham Baba.

Dua lokasi pusat pemindahan yang diberikan bantuan ialah di Dewan

Orang Ramai Taman Kota Jaya, Kota Tinggi dan di Pusat Komuniti

Segamat, Bandar Putra, Segamat.

Manakala Dewan Orang Ramai Taman Kota Jaya Kota Tinggi pula seramai kira-kira 700 orang penduduk dari 150 keluarga telah diberikan bantuan.

Sementara itu, di Segamat, UTHM telah menurunkan Briged Bencana sukarelawan yang disertai kira-kira 22 orang mahasiswa.

Sukarelawan ini telah menjalankan kerja-kerja pembersihan di empat lokasi iaitu Sekolah Kebangsaan Kuala Paya, Sekolah Agama Gemereh, Balai Raya Taman Pelangi dan Masjid Padang Lalang.

Menurut Profesor Dr. Amir Hashim Mohd. Kassim, misi tersebut melibatkan pemberian sumbangan bantuan makanan dan keperluan harian serta khidmat membersihkan kemudahan awam yang dilanda banjir.

“Usaha ini bukan sahaja dapat menonjolkan semangat sukarelawan di kalangan mahasiswa tetapi yang lebih penting membuka peluang kepada mereka untuk menimba pengalaman.” katanya.

